

# KAEDAH DAN STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKESAN BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS DI SEBUAH SEKOLAH DI DAERAH PENDANG, KEDAH

**EFFECTIVE TEACHING AND LEARNING METHODS AND STRATEGIES FOR STUDENTS WITH SPECIAL EDUCATIONAL NEEDS IN A SCHOOL IN PENDANG DISTRICT, KEDAH**

Nurhanna Syahira binti Harun<sup>1</sup>  
Maisarah binti Mohamad Zaki<sup>2</sup>  
Nur Ain Aqilah binti Mohd Royani<sup>3</sup>  
Dr. Siti Nursaila binti Alias<sup>4\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,  
(E-mail: nurhannasyahira@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,  
(Email: maisarahzaki218@gmail.com)

<sup>3</sup>Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,  
(E-mail: nurainaqilahmr@gmail.com)

<sup>4</sup>Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,  
(E-mail: anasaila@fsmt.upsi.edu.my)

## Article history

**Received date** : 7-6-2024

**Revised date** : 8-6-2024

**Accepted date** : 13-9-2024

**Published date** : 15-10-2024

## To cite this document:

Harun, N. S., Mohamad Zaki, M., Mohd Royani, N. A. A., & Alias, S. N. (2024). Kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi murid berkeperluan pendidikan khas di sebuah sekolah di daerah Pendang, Kedah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (24), 64 - 75.

**Abstrak:** Pendidikan inklusif adalah satu bidang pendidikan yang berkaitan dengan kaedah, teknik dan penyelidikan yang memfokuskan ke arah pengurusan pembelajaran yang baik dan mematuhi kehendak-kehendak khas. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkesan bagi murid berkeperluan pendidikan khas di sebuah sekolah di daerah Pendang, Kedah. Pendekatan kualitatif digunakan dengan kaedah kajian kes melibatkan temu bual dengan guru serta analisis aktiviti pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah PdP yang berkesan bagi murid berkeperluan pendidikan khas melibatkan penyesuaian kurikulum, penggunaan teknologi bantu, dan strategi yang pelbagai. Kajian ini juga telah mendapati bahawa sokongan dan kerjasama ibu bapa juga memainkan peranan penting bagi memastikan penyampaian PdP itu dapat dijayakan. Guru yang kreatif, fleksibel dan inovatif dalam pengajaran juga cenderung untuk mendapat hasil yang positif. Kesimpulannya, pengajaran yang berkesan bagi murid berkeperluan pendidikan khas memerlukan pendekatan holistik dan inklusif yang menggabungkan strategi pengajaran yang pelbagai dan penyesuaian kurikulum.

**Kata Kunci:** pendidikan inklusif, strategi pengajaran, teknologi bantu, murid berkeperluan pendidikan khas, penyesuaian kurikulum.

**Abstract:** Inclusive education is an area of education related to methods, techniques and research that focuses on good learning management and obedience to special desires. The aim of the study was to explore effective teaching and learning methods and strategies teaching and learning (T&L) for students with special educational needs at a school in Pendang district, Kedah. The qualitative approach is used with case study methods involving interviews with teachers as well as analysis of teaching activities. Studies show that effective T&L methods for students with special educational needs involve curriculum adaptation, the use of auxiliary technology, and diverse strategies. The study also found that the support and cooperation of parents also played an important role in ensuring that the delivery of T&L was enabled. Teachers who are creative, flexible and innovative in teaching also tend to get positive outcomes. In conclusion, effective teaching for students with special educational needs requires a holistic and inclusive approach that combines diverse teaching strategies and curriculum adaptations.

**Keywords:** inclusive education, teaching strategies, assisted technology, students with special education needs, curriculum adjustments.

## Pengenalan

Pendidikan inklusif merupakan asas penting dalam sistem pendidikan moden yang bertujuan untuk menyediakan peluang pembelajaran yang sama rata kepada semua pelajar termasuk mereka yang mempunyai keperluan khas. Murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) merangkumi mereka yang menghadapi pelbagai cabaran seperti masalah pembelajaran, gangguan perkembangan atau ketidakupayaan fizikal dan mental. Dalam konteks ini, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah sangat penting untuk memastikan mereka menerima sokongan yang diperlukan dalam mencapai potensi penuh mereka. Penyelidikan menunjukkan bahawa guru yang dilengkapi dengan pengetahuan dan strategi pengajaran yang sesuai dapat membuat perbezaan yang signifikan dalam perkembangan akademik dan sosial pelajar berkeperluan khas (Farah Arriani et al., 2022).

Pendekatan pengajaran yang berkesan untuk MBPK melibatkan penggunaan kaedah yang pelbagai dan perlu disesuaikan dengan keperluan individu setiap pelajar. Kaedah seperti pengajaran berbeza (*differentiated instruction*), pembelajaran kooperatif dan penggunaan teknologi bantuan telah terbukti memberikan kesan positif terhadap pembelajaran pelajar berkeperluan khas (Tomlinson, 1999, 2014). Selain itu, strategi pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan elemen visual, auditif dan kinestetik dapat membantu meningkatkan pemahaman dan pengekalan maklumat oleh murid ini. Guru juga perlu memainkan peranan yang aktif dalam membina hubungan yang positif dengan murid dan keluarga mereka serta berkomunikasi secara efektif untuk memastikan keperluan pembelajaran mereka dikenal pasti dan dipenuhi.

Walau bagaimanapun, cabaran dalam melaksanakan kaedah dan strategi ini tidak boleh diabaikan. Hal ini kerana guru sering menghadapi kekangan masa, kekurangan sumber dan beban kerja yang tinggi yang boleh menghalang keberkesan pengajaran mereka kepada pelajar berkeperluan khas. Oleh itu, sokongan yang berterusan dari pihak sekolah, latihan profesional yang berkala dan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan adalah kritikal dalam memastikan guru dapat melaksanakan strategi pengajaran yang berkesan secara konsisten.

Pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan MBPK. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah dan strategi bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan yang digunakan bagi murid yang berkeperluan khas di sebuah sekolah di daerah Pendang, Kedah. Dengan memahami dan menerapkan pendekatan yang sesuai, diharapkan MBPK dapat menikmati pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan setara seterusnya meningkatkan pencapaian akademik dan kesejahteraan keseluruhan mereka.

### **Pernyataan Masalah**

Terdapat pelbagai kajian dilakukan bagi membincangkan isu-isu dalam Pendidikan Inklusif iaitu kajian yang menekankan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi murid berkeperluan khas. Menurut Faizah Ja'apar (2017), pengajaran konvensional memfokuskan kepada kuliah berbentuk penyampaian maklumat dan idea secara lisan oleh pendidik kepada murid. Penyampaian maklumat ini biasanya dilakukan secara satu hala di mana hanya guru yang akan menyampaikan maklumat pengajaran dan murid hanya perlu menerima perkara yang diajar. Implikasi daripada kaedah ini adalah murid akan berasa bosan dan mengantuk seterusnya tidak fokus dalam kelas.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, inisiatif pembelajaran abad ke-21 telah dilancarkan secara rintis oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan mulai tahun 2015, pelaksanaannya telah diperluaskan ke seluruh negara. Mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh KPM, guru-guru perlu menukar pembelajaran konvensional kepada pembelajaran abad ke-21, tetapi guru-guru veteran beranggapan bahawa untuk menukar konsep pendidikan kepada Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) adalah begitu sukar kerana bertentangan dengan konsep pengajaran mereka (Haris & Khairuddin, 2021). Seterusnya, mengikut arus peredaran zaman, teknologi telah merubah cara guru melaksanakan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), guru-guru telah menukar kaedah pembelajaran dengan menggunakan teknologi iaitu bersesuaian dengan dasar yang digariskan oleh KPM. Penggunaan teknologi yang sesuai di bilik darjah arus perdana dapat membantu MBPK terlibat dalam pembelajaran. Malah teknologi telah meningkatkan kemenjadian serta keyakinan mereka dalam proses PdP (Lynch et al., 2022).

Berdasarkan akta dan kenyataan yang telah diberikan, pengkaji berharap dapat membincangkan isu mengenai kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi murid berkeperluan pendidikan khas dengan lebih mendalam. Pengkaji ingin melihat sejauh mana kaedah dan strategi yang dilakukan oleh guru pendidikan khas untuk memberikan pelajaran yang terbaik dan berkesan untuk MBPK. Kajian ini diharapkan dapat memberi kesan positif terhadap peningkatan mutu amalan pengajaran guru dengan menyesuaikan pendekatan atau gaya PdP mereka.

### **Kajian Literatur**

Pelbagai penyelidikan telah dijalankan untuk membahas isu-isu dalam Pendidikan Inklusif. Program Inklusif di Malaysia mirip kepada konsep integrasi berfungsi iaitu murid-murid Berkeperluan Pendidikan Khas ini menghadiri kelas biasa dan mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah dan kurikulum yang sama seperti murid-murid yang normal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024). Apabila disebut mengenai peluang pendidikan terhadap pelajar berkeperluan khas, mereka juga sama seperti manusia normal yang lain iaitu mempunyai minat, hasrat, hobi dan cita-cita untuk memperoleh kejayaan masing-masing. Oleh hal yang demikian, terbitnya beberapa dasar yang telah digaris pandukan di Malaysia iaitu pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif yang dijalankan antaranya ialah Akta Orang Kurang Upaya 2008, Peraturan

Pendidikan Khas 2013, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) (Jamaludin & Shaffeei, 2023).

Prinsip terasas yang terkandung dalam pendidikan inklusif adalah bagaimana pelajar ini dapat dididik dan belajar bersama untuk hidup bersama terutama sekali dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang. Tiga prinsip berikut iaitu yang pertama bahawa setiap kanak-kanak termasuk dalam komuniti setempat dan dalam suatu kelas atau kumpulan, kedua bahawa hari sekolah diatur penuh dengan tugas-tugas pembelajaran koperatif melalui perbezaan pendidikan dan fleksibiliti dalam memilih dengan sepas hati dan yang ketiga guru bekerja bersama-sama dan mendapat pengetahuan pendidikan umum, khusus dan teknik loceng ajar individu serta keperluan-keperluan latihan dan bagaimana mengapresiasi kepelbagai dan perbezaan individu dalam pengorganisasian kelas (Jamaludin & Shaffeei, 2023). Di samping itu, hasil daripada kajian Mohd Hanafi (2016) juga mendapati masih terdapat guru mata pelajaran yang menggunakan teknik dan kaedah PdP yang sama untuk semua murid tanpa mengambil kira tahap keupayaan dan potensi mereka. Hal ini akan menyebabkan adanya mereka yang tidak dapat mengikuti pengajaran guru serta tidak dapat menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan oleh guru. Oleh itu, pengkaji cuba melihat sama ada objektif kaedah dan pengajaran dan pembelajaran berkesan dapat dilakukan bagi pelajar berkeperluan khas tercapai berdasarkan objektif serta persoalan kajian yang diketengahkan.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pelaksanaan pedagogi inklusif di kalangan murid berkeperluan pendidikan khas di sebuah sekolah menengah di daerah Pendang, Kedah. Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menganalisis keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan bagi membantu murid yang berkeperluan pendidikan khas.
2. Menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pendidik dalam mengajar murid yang berkeperluan pendidikan khas.

### Persoalan Kajian

Perkara-perkara yang ingin diketahui adalah:

1. Apakah kesukaran yang dihadapi oleh guru dan murid berkeperluan pendidikan khas sewaktu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sebuah sekolah di daerah Pendang, Kedah?
2. Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan yang digunakan oleh guru bagi mengajar murid berkeperluan pendidikan khas di sebuah sekolah ini?
3. Bagaimanakah strategi pengajaran boleh disesuaikan untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid berkeperluan pendidikan khas?
4. Bagaimanakah cara mengukur tahap keberkesanan kaedah pengajaran terhadap murid berkeperluan pendidikan khas?
5. Bagaimanakah penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran memberi kesan terhadap pencapaian akademik murid berkeperluan pendidikan khas?
6. Adakah penglibatan atau bantuan sokongan dari mana-mana pihak seperti ibu bapa, sekolah atau pihak luar dalam membantu untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran?

## Metodologi

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang kaedah dan strategi pengajaran serta pembelajaran yang berkesan bagi murid berkeperluan pendidikan khas di sebuah sekolah di daerah Pendang, Kedah. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami pengalaman dan amalan pengajaran oleh seorang guru penolong kanan (PK) pendidikan khas di sekolah tersebut dalam konteks dunia sebenar.

### **Persampelan**

Sampel kajian terdiri daripada seorang guru penolong kanan pendidikan khas yang mempunyai pengalaman luas dalam mengajar pelajar berkeperluan khas di sekolah tersebut. Pemilihan responden ini adalah berdasarkan keupayaan beliau untuk memberikan pandangan mendalam dan relevan tentang isu pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar berkeperluan khas.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Data dikumpulkan melalui temubual separa berstruktur yang dijalankan menggunakan platform dalam talian, *Google Meet*. Temubual ini dirancang untuk mendapatkan pandangan beliau tentang kaedah pengajaran dan strategi yang digunakan. Sebanyak 7 soalan telah disediakan untuk temubual ini yang meliputi aspek-aspek penting seperti latar belakang guru bagi mengetahui pengalaman atau latihan khusus yang diterima untuk meningkatkan kemahiran mengajar dalam bidang tersebut, cabaran utama yang dihadapi oleh guru dan murid berkeperluan pendidikan khas, strategi pengajaran yang digunakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi, penggunaan teknologi dalam pembelajaran serta sokongan tambahan yang diterima oleh guru dalam membantu mereka untuk mengajar murid berkeperluan pendidikan khas. Perbualan temubual direkodkan untuk memastikan semua maklumat yang diberikan oleh responden dapat dianalisis dengan teliti. Sebelum temubual dijalankan, pengkaji telah membuat pembacaan kajian lepas untuk memperoleh pemahaman tentang isu-isu yang berkaitan serta memberikan kerangka teori yang mantap bagi memastikan soalan temubual adalah relevan dan komprehensif.

### **Analisis Data**

Rakaman temubual dianalisis dengan meneliti jawapan responden secara terperinci untuk mengenal pasti kaedah dan strategi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar berkeperluan khas. Data ini juga turut dianalisis dengan cara membandingkan jawapan yang diberikan oleh responden dengan kajian lepas untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam pendekatan pengajaran. Proses ini membantu dalam memahami secara mendalam bagaimana kaedah dan strategi pengajaran diaplikasikan dalam konteks dunia sebenar di sekolah tersebut.

### **Dapatan Kajian**

Laporan kajian kualitatif ini menggunakan bentuk naratif. Pengkaji melaporkan data dalam bentuk penceritaan dengan menceritakan semula daripada apa yang didengar pengkaji semasa temubual dilaksanakan. Seterusnya pengkaji turut membuat penulisan dalam bentuk huraian ke atas penceritaan dengan jelas dan terperinci.

### **Soalan Temubual 1:**

Ceritakan latar belakang Cikgu dalam bidang ini? Adakah pengalaman atau latihan khusus yang telah diterima untuk meningkatkan kemahiran dalam mengajar murid berkeperluan pendidikan khas atau seumpamanya?

Guru memberi respon:

- *nak cerita pengalaman, saya dah berkhidmat agak lama iaitu sudah 23 tahun dalam mengajar murid berkeperluan khas... sepanjang saya berkhidmat di Kedah, saya tertumpu kepada murid yang mempunyai masalah pembelajaran...*
- *sepanjang saya berkhidmat di Pendidikan Khas, saya akan menjalani kursus pendedahan Pendidikan Khas di JPN masing-masing... dalam kursus pendedahan tersebut guru didedahkan semua perkara tentang pendidikan khas untuk memberi persediaan kepada guru untuk mengajar murid berpendidikan khas...*
- *setiap tahun pelbagai kursus yang diadakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengukuhkan profesi guru pendidikan khas... jika berlakunya perubahan di peringkat PPK, JPN akan menganjurkan kursus...*

Guru PK memberikan respons berdasarkan pengalamannya berkhidmat selama 23 tahun mengajar. Guru PK menekankan bahawa guru-guru pendidikan diberikan pendedahan awal iaitu dengan mengikuti kursus pendidikan khas di JPN masing-masing. Hal ini demikian kerana untuk memastikan guru bersedia untuk mengajar MBPK dan banyak lagi kursus yang dianjurkan oleh KPM untuk mengukuhkan profesion guru pendidikan khas.

### **Soalan Temubual 2:**

Apakah kesukaran dan cabaran utama yang diperhatikan terhadap murid berkeperluan pendidikan khas hadapi dalam proses pembelajaran?

Guru memberi respons:

- *Cabaran utama yang diperhatikan ialah perangai mereka berubah-ubah mengikut keadaan...saya bahagikan dari segi kognitif murid iaitu dari segi fizikal, emosi dan masalah kesihatan, inilah cabaran utama kerana sukanan yang dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) iaitu guru perlu mengajar secara fleksibel...*
- *Prasarana sekolah juga cabaran utama kerana kelas mereka diletakkan di hujung tangga, hujung bangunan dan sebagainya menyebabkan kesukaran pelajar untuk belajar...ibu bapa juga hanya mengharapkan guru sahaja untuk mengajar anak mereka jadi pembelajaran tidak sampai target...*

Guru PK menekankan bahawa cabaran utama adalah dari segi kognitif murid, prasarana sekolah dan ibu bapa yang hanya mengharapkan guru mengajar anak mereka di sekolah.

### **Soalan Temubual 3:**

Bagaimana cikgu menyesuaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid berkeperluan pendidikan khas untuk memastikan mereka dapat memahami dan menguasai sesuatu topik dengan berkesan?

Guru memberi respon:

- *kaedah yang saya buat pelbagai mengikut situasi antaranya ialah teknik Scaffolding... saya akan membantu mereka sehingga pembelajaran mencapai objektif dengan cara teori dan praktikal tanpa bantuan guru...teknik ini dilakukan secara berulang-ulang untuk pembelajaran seterusnya...*

- *teknik cuba jaya juga digunakan dalam pembelajaran seperti kalau pembelajaran itu pelajar tidak dapat melakukan, saya akan menyuruh mereka untuk ulang sehingga mereka dapat dan mereka akan mahir...*

Guru PK menyatakan dua kaedah yang beliau gunakan untuk MBPK adalah teknik *Scaffolding* dan teknik cuba jaya. Kedua-dua teknik ini adalah cara guru untuk memberi pembelajaran dengan bimbingan bertahap, penyesuaian mengikut keperluan, pengalaman pembelajaran nyata dan pembelajaran berdikari.

#### **Soalan Temubual 4:**

Apakah strategi yang digunakan untuk memastikan mereka dapat memahami dan menguasai sesuatu topik dengan berkesan?

Guru memberi respon:

- *Saya perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dan unik untuk memberikan pelajaran kepada mereka kerana kelas pendidikan khas di negara kita dan luar negara adalah berbeza...di luar negara murid akan dikategorikan mengikut masalah masing-masing manakala di negara kita mereka diletakkan dalam kelas yang sama dengan kepelbagaiannya masalah...pelbagai teknik yang saya akan lakukan ikut kesesuaian....*
- *walaupun kaedah pengajaran tetap sama seperti melakukan set induksi, lakukan aktiviti, penerangan, latihan dan refleksi...*

Guru PK memberikan pendapat bahawa guru pendidikan khas di negara kita perlu mempunyai kemahiran tinggi dan unik untuk memberikan pelajaran kepada MBPK kerana mereka ditempatkan di kelas yang sama dengan kepelbagaiannya masalah. Berbanding dengan kelas pendidikan khas di luar negara, kelas mereka berasingan mengikut masalah masing-masing di mana ia lebih mudah untuk guru mengajar. Seterusnya, kaedah pengajaran tetap sama dengan mereka diuji dengan melakukan set induksi, lakukan aktiviti, penerangan, latihan dan refleksi.

#### **Soalan Temubual 5:**

Adakah alat atau teknologi khusus yang digunakan dalam pengajaran untuk menyokong pelajar berkeperluan khas dan bagaimana kesannya terhadap pembelajaran mereka?

Guru memberi respon:

- *saya menggunakan teknologi dalam pengajaran sememangnya dapat menarik minat dan meningkatkan lagi pengajaran di dalam kelas...*
- *saya menggunakan tablet dalam pengajaran dan kesannya pelajar Autisme berminat untuk belajar...bahan bantu mengajar lain yang saya gunakan LCD dan komputer... saya akan menayangkan video pembelajaran kepada mereka...pelajar yang berminat kepada bunyi akan seronok dengan pembelajaran tersebut...teknik audio visual diterapkan dan kecerdasan pelbagai mereka juga sama dengan kecerdasan pelajar arus perdana...*
- *saya menggunakan seni kreatif untuk menilai iaitu di dalam subjek kemahiran manipulatif...*

Guru PK perlu membantu dan menyokong MBPK menggunakan teknologi khusus kerana ia boleh membantu mengatasi halangan pembelajaran dan memperkasa murid untuk mencapai potensi penuh mereka. Setiap teknologi mempunyai kelebihan tersendiri yang boleh disesuaikan dengan keperluan individu murid.

### Soalan Temubual 6:

Bagaimana cikgu mengukur keberkesanannya kaedah pembelajaran bagi murid berkeperluan pendidikan khas dan apa kriteria penilaian yang digunakan?

Guru memberi respon:

*saya mengukur keberkesanannya kaedah pembelajaran dengan ujian mengikut tahap mereka...saya juga melihat hasil kerja murid...senarai semak juga digunakan kerana ia adalah struktur yang jelas dan sistematik untuk menilai pencapaian murid...*

*untuk pelajar pendidikan khas yang sederhana, mereka mempunyai sijil yang di garis panduan oleh KPM iaitu sijil Pentaksiran Perantis Sekolah Menengah (PPSM)...*

*murid pendidikan khas juga mempunyai sijil kemahiran modular di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)...*

Guru PK mengatakan pelbagai cara yang boleh diukur untuk melihat keberkesanannya kaedah pembelajaran. Antaranya ialah melakukan ujian, melihat hasil kerja serta menggunakan senarai semak. Mereka juga mempunyai sijil khas seperti PPSM dan Sijil Kemahiran Modular. Dengan cara ini, guru dapat memastikan bahawa pendekatan yang digunakan benar-benar membantu pelajar mencapai potensi mereka.

### Soalan Temubual 7:

Apakah sokongan tambahan yang disediakan oleh sekolah atau lain-lain pihak kepada guru untuk membantu dalam menyediakan pembelajaran yang berkesan bagi murid berkeperluan khas?

Guru memberi respon:

- *pelbagai sokongan tambahan yang disediakan oleh sekolah untuk mereka...antaranya ialah sekolah akan melakukan aktiviti bacaan yasin dan ceramah...program badan beruniform iaitu kolaborasi dengan sekolah lain...aktiviti sukan iaitu pendidikan jasmani...aktiviti-aktiviti tersebut pelajar pendidikan khas bersama pelajar arus perdana...*
- *aktiviti yang cikgu lakukan untuk mereka dengan melakukan kolaborasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu membuat kursus terapi cara kerja...lawatan sambil belajar...kolaborasi dengan pertubuhan perladangan dengan melakukan aktiviti asas tanaman...*

Guru PK berperanan penting dalam memberi sokongan tambahan kepada mereka kerana memberikan pendedahan awal bersama komuniti dengan menjalin kerjasama dengan komuniti dan organisasi luar kerana selepas mereka tamat persekolahan mereka tidak takut untuk berhadapan dengan dunia luar.

## Perbincangan

### Keberkesanannya Kaedah dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran kepada MBPK

Melalui hasil temu bual yang dijalankan, guru menggunakan pelbagai kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran ke atas murid berkeperluan pendidikan khas. Antara pendekatan yang diambil adalah pendekatan inklusif separa dimana murid berkeperluan pendidikan khas akan mengikuti pembelajaran di kelas biasa bersama dengan murid di arus perdana bagi mata pelajaran akademik atau aktiviti koakademik atau aktiviti kokurikulum yang tertentu sahaja. MBPK yang mengikuti inklusif separa bagi mata pelajaran akademik adalah berdasarkan

kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang telah diubahsuai sedikit atau tanpa bantuan sokongan manakala bagi aktiviti koakedemik adalah berdasarkan potensi, bakat dan keupayaan mereka. Menurut responden, antara mata pelajaran yang dipilih dan bersesuaian bagi menjalankan inklusif separa adalah Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Melalui pendekatan ini, MBPK dapat berinteraksi dengan murid lain semasa menjalankan aktiviti sekaligus dapat meningkatkan kemahiran sosial dan kosa kata mereka. Selain itu, pendidikan inklusif separa ini juga dapat memberikan pengalaman berada di persekitaran luar dan mengajar mereka berkenaan situasi sebenar berhadapan dengan dunia luar. Mereka menjadi lebih berdikari dan mendapat lebih banyak peluang pekerjaan. Responden menyatakan bahawa pihak sekolah banyak mendapat maklum balas di mana ramai alumni MBPK sekolah tersebut yang lebih berjaya dan mendapat peluang pekerjaan apabila keluar dan bergaul dengan masyarakat. Perkara ini juga turut disokong dengan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya semua murid termasuk MBPK untuk mendapatkan SKM melalui pembelajaran dalam bidang kemahiran. MBPK yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah menengah harian biasa akan mendapatkan SKM secara modular dan menamatkan persekolahan mereka dengan pelbagai kemahiran yang dapat membantu mereka menceburi bidang pekerjaan pada masa hadapan. Oleh kerana struktur geografi daerah di sekolah tersebut yang lebih sesuai kepada pertanian dan penternakan mereka menjalinkan kerjasama dengan agensi luar seperti Pertubuhan Peladang Kedah kawasan Pendang untuk membantu MBPK mendapat SKM dalam sektor pertanian. Selain itu, kaedah penggunaan teknologi juga berkesan bagi menjalankan pengajaran dan pembelajaran terhadap MBPK. MBPK menunjukkan minat dalam pembelajaran dan dapat penyertaan mereka meningkat dalam setiap aktiviti pengajaran yang melibatkan penggunaan gajet. Guru perlulah menjadi kreatif dalam merancang PdP menggunakan kepelbagaiannya masa kini seperti penggunaan audio visual, penggunaan aplikasi yang menarik dan sebagainya.

### **Cabaran-cabaran Yang dihadapi oleh Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan MBPK**

Dapatan kajian telah mengenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi oleh responden sebagai guru pendidikan khas yang berpengalaman selama lebih 23 tahun. Antara isu yang dihadapi adalah keupayaan kognitif pelajar itu sendiri. Oleh kerana sekolah tersebut hanya mempunyai satu kelas PPKI, guru harus mengambil masa dan menyesuaikan kaedah pengajaran yang dapat diterima dan difahami oleh pelajar MBPK yang pelbagai. Kaedah '*one to one*' dan pengulangan harus dilakukan sekiranya terdapat murid yang mengalami kesulitan untuk mengikuti atau memahami sesuatu topik. Selain itu, emosi dan masalah kesihatan pelajar juga harus diambil kira dalam menjalankan PdP. Oleh itu, ianya menjadi suatu cabaran bagi guru tersebut untuk menjalankan pengajaran mengikut sukanan yang disediakan. Guru perlu menjadi kreatif dan fleksibel dalam mengawal dan mengendalikan PdP bagi memastikan sesi PdP tersebut berjaya dilaksanakan mengikut keupayaan pelajar dan juga tidak lari dari sukanan pelajaran. Seterusnya, prasarana sekolah dan bilik darjah menjadi cabaran kepada guru bagi menjalankan PdP yang berkualiti. Responden menyatakan bahawa kemudahan kelas bagi MBPK semakin baik dan pulih berbanding zaman dahulu yang sangat daif dan kurang perhatian. Kelas yang kondusif dapat mempengaruhi persekitaran psikologi yang positif kepada guru dan murid. Menurut Norehan (2021), beliau menekankan bahawa guru merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan perlu sentiasa bersedia dalam meningkatkan kompetensi diri dan profesionalisme perguruan. Oleh itu, guru perlu bersedia untuk terus belajar dan meningkatkan tahap pengetahuan dan penguasaan diri supaya dapat menghadapi cabaran-cabaran dalam melaksanakan PdP yang berkesan dan berkualiti kepada MBPK.

Cabaran guru juga bertambah apabila berhadapan dengan penglibatan ibu bapa. Berdasarkan kajian lepas oleh beberapa penyelidik, penglibatan ibu bapa mempengaruhi perkembangan MBPK dalam pelajaran (Ahmad Asmawi, 2020). Faktor ibu bapa yang tidak cakna dan prihatin dalam memantau serta membantu perkembangan anak mereka juga memberikan kesan terhadap proses pembelajaran di sekolah dan di rumah. Misalnya, guru telah menerapkan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira kepada MBPK dan mereka berjaya menguasainya ketika dalam kelas. Namun, jika tiada kesinambungan dan sokongan di rumah, kemahiran pelajar tersebut boleh terjejas dan merosot. Penglibatan ibu bapa bukan hanya sekadar menghadiri aktiviti-aktiviti tertentu di sekolah sahaja, malahan mereka juga perlu melibatkan diri secara menyeluruh juga dalam aktiviti pembelajaran anak-anak di rumah. Hasil dari ibu bapa yang kurang mengambil perhatian dalam aktiviti sekolah anak akan menyebabkan aktiviti yang diaturkan oleh guru dan pihak sekolah akan kurang memberangsangkan dalam pelaksanaannya. Kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa amat penting dalam memastikan MBPK dapat mencapai objektif dan pencapaian yang baik.

### Rumusan

Kajian ini mengkaji sama ada kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang digunakan untuk MBPK dalam konteks sekolah inklusif berkesan. Hasil kajian kes telah menunjukkan bahawa guru boleh memenuhi keperluan MBPK dengan berkesan. Guru menggunakan pelbagai pendekatan termasuklah inklusif separa yang membolehkan MBPK berinteraksi dengan murid arus perdana bagi subjek yang tertentu dan bersesuaian. Metodologi ini meningkatkan kemahiran sosial MBPK, kosa kata dan pengalaman berhadapan dengan dunia sebenar. Penggunaan teknologi bantu seperti perisian interaktif dan aplikasi pembelajaran menarik minat MBPK dan meningkatkan lagi penyertaan mereka dalam aktiviti pengajaran.

Walau bagaimanapun, guru menghadapi beberapa halangan apabila melaksanakan PdP untuk MBPK. Antara isu utama yang perlu ditangani termasuk ketidakupayaan kognitif, masalah emosi serta kesihatan dan kekurangan kemudahan sekolah. Untuk memastikan setiap MBPK mengikuti pelajaran dengan baik, guru perlu menyesuaikan kaedah pengajaran secara individu dan fleksibel. Penglibatan ibu bapa juga didapati penting untuk membantu perkembangan pembelajaran MBPK di rumah.

Kesimpulannya, kejayaan PdP bagi MBPK bergantung pada pendekatan holistik dan inklusif yang menggabungkan penggunaan teknologi bantu, penyesuaian kurikulum, dan sokongan ibu bapa dan pakar. Untuk menghadapi cabaran dalam melaksanakan PdP yang berkualiti, guru perlu terus meningkatkan kompetensi diri dan profesionalisme. Hasil kajian ini dapat membantu guru merancang dan melaksanakan PdP terhadap MBPK yang berkesan dan menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan inklusif.

## Rujukan

- Abdullah, S. A. K. (n.d.). Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM. Retrieved May 26, 2024, from [https://www.researchgate.net/profile/Saiful-Azam-2/publication/332521325\\_Program\\_Pendidikan\\_Inklusif\\_Bagi\\_Murid-Murid\\_Berkeperluan\\_Khas\\_di\\_Malaysia/links/5f96862a458515b7cf9ef0cd/Program-Pendidikan-Inklusif-Bagi-Murid-Murid-Berkeperluan-Khas-di-Malaysia.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Saiful-Azam-2/publication/332521325_Program_Pendidikan_Inklusif_Bagi_Murid-Murid_Berkeperluan_Khas_di_Malaysia/links/5f96862a458515b7cf9ef0cd/Program-Pendidikan-Inklusif-Bagi-Murid-Murid-Berkeperluan-Khas-di-Malaysia.pdf)
- Ahmad, N. A. (2014). Pengurusan Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid Bermasalah Pembelajaran : Kajian Secara Naratif Inkuiri: Inclusive Education Program Management For Students With Learning Difficulties : A Narrative Inquiry Study. *Management Research Journal*, 3, 38-52.<https://ojs.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/download/1477/1064>
- Farah Arriani, Agustiyawati, Alifia Rizki, Ranti Widiyanti, Slamet Wibowo, Christina Tulalessy, Fera Herawati, & Theresia Maryanti. (2022). *PANDUAN PELAKSANAAN Pendidikan Inklusif*. BADAN STANDAR, KURIKULUM, DAN ASESMEN PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, KEBUDAYAAN, RISET, DAN TEKNOLOGI REPUBLIK INDONESIA. <https://kurikulum.kemdikbud.go.id/wp-content/uploads/2022/08/Panduan-Pelaksanaan-Pendidikan-Inklusif.pdf>
- Friend, M., & Bursuck, W. D. (2002). Including students with special needs: a practical guide for classroom teachers. In *Internet Archive* (3rd ed.). Pearson Education. [https://archive.org/details/includingstudent0000frie\\_h4v5/page/n5/mode/1up](https://archive.org/details/includingstudent0000frie_h4v5/page/n5/mode/1up)
- Haris, H., & Khairuddin, K.F.(2021). Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran . *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 197-210.  
<https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/666/495>
- Jamaludin, N., & Shaffeei, K. (2023). Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana dalam pengajaran ke atas murid inklusif di aliran perdana. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16,45-54. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/download/7985/4398>
- Lynch, P., Singal, N., & Francis, G. A. (2022). Educational technology for learners with disabilities in primary school settings in low- and middle-income countries: a systematic literature review. *Educational Review*, 76(2), 405–431. <https://doi.org/10.1080/00131911.2022.2035685>
- Majid, M. A.,& Safran ,N. ‘Azah A. (2017). Penggunaan Teknologi Bantu Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Khas. Proceedings of International Conference on Special Education,2.  
<https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/666/495>
- Nasir, N. M., & Mansor, M. B. (2021). Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(7), 416–421. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.854>
- Program Pendidikan Inklusif. (n.d.). Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved May 26, 2024, from <https://www.moe.gov.my/program-pendidikan-inklusif>
- Rashid, M. N. A., & Alias, A. (2023). Pengetahuan dan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Terhadap Murid Berkeperluan Khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(5), e002293. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2293>
- Salleh, S. F. (2018). Masalah pengajaran guru dalam program pendidikan inklusif di sekolah. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 243-263.<https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/download/88/43>

- Samsudin, N. H., Wahid, P. R. A., Ja'afar, S., & Yaakub, M. T. (2017). Tahap Keupayaan Kognitif Bacaan Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas. *Jurnal Sains Insani*, 2(2), 81–87. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.40>
- Shaffeei, K., Ahmad, H., Ali, S. R., Md Zabit, M. N., & Yahya, F. H. (2020). *Pendidikan Inklusif di Malaysia* (2nd ed.). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Smith, D. D., & Tyler, N. C. (2011). Effective inclusive education: Equipping education professionals with necessary skills and knowledge. *Prospects*, 41(3), 323–339. <https://doi.org/10.1007/s11125-011-9207-5>
- Tomlinson, C. A. (1999). The differentiated classroom: responding to the needs of all learners. In [www.academia.edu](http://www.academia.edu/20531824/differentiated_classroom_responding_to_the_needs_of_all_learners). ASCD. [https://www.academia.edu/20531824/differentiated\\_classroom\\_responding\\_to\\_the\\_needs\\_of\\_all\\_learners](http://www.academia.edu/20531824/differentiated_classroom_responding_to_the_needs_of_all_learners)
- Tomlinson, C. A. (2014). The differentiated classroom: responding to the needs of all learners. In [Google Books](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=CLigAwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=The+differentiated+classroom:+Responding+to+the+needs+of+all+learners.+ASC&ots=AhkpkIg6qt&sig=_fwfV9dUpmg_be6m3XH2x1A1u4E&redir_esc=y#v=onepage&q=The%20differentiated%20classroom%3A%20Responding%20to%20the%20needs%20of%20all%20learners.%20ASCD.&f=false) (2nd ed.). ASCD. [https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=CLigAwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=The+differentiated+classroom:+Responding+to+the+needs+of+all+learners.+ASC&ots=AhkpkIg6qt&sig=\\_fwfV9dUpmg\\_be6m3XH2x1A1u4E&redir\\_esc=y#v=onepage&q=The%20differentiated%20classroom%3A%20Responding%20to%20the%20needs%20of%20all%20learners.%20ASCD.&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=CLigAwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=The+differentiated+classroom:+Responding+to+the+needs+of+all+learners.+ASC&ots=AhkpkIg6qt&sig=_fwfV9dUpmg_be6m3XH2x1A1u4E&redir_esc=y#v=onepage&q=The%20differentiated%20classroom%3A%20Responding%20to%20the%20needs%20of%20all%20learners.%20ASCD.&f=false)